



**TEKS UCAPAN
YBRS. DR ABDUL RAHIM BIN HARUN
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN JUBLI EMAS
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**TARIKH:
19 SEPTEMBER 2022 (ISNIN)
10.30 PAGI**

**DEWAN TUN DR. ISMAIL, BLOK 11
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Keluarga Malaysia,

YANG BERHORMAT DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

YANG BERUSAHA ENCIK OOLIGUNALAN A/L MANICKAM
SETIAUSAHA BAHAGIAN KANAN (PENGURUSAN)
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

YANG BERBAHAGIA TAN SRI / DATO' SERI / DATUK-DATUK /
DATIN-DATIN / TUAN-TUAN /PUAN-PUAN,

PEGAWAI-PEGAWAI MOSTI

PARA PENYELIDIK AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

RAKAN-RAKAN MEDIA DAN HADIRIN SEKALIAN,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan Izin-Nya kita dapat bersama pada pagi ini bagi Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas Nuklear Malaysia yang akan dilancarkan sebentar lagi oleh YB Dato' Seri Dr. Adham Bin Baba, Menteri Sains Teknologi dan Inovasi. Tanggal 19 September 2022 ini bermula merupakan Tarikh keramat Agensi Nuklear Malaysia menjangkau usia Jubli Emas. Ini bermakna Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi Nuklear di Negara kita kini berusia 50 tahun. Ini ekoran daripada keputusan Jemaah menteri yang bersetuju untuk Malaysia menubuhkan institusi berkaitan penyelidikan dan pembangunan teknologi nuklear di Malaysia pada 19 September 1972.
2. Nuklear Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri MOSTI di atas kesudian hadir melancarkan Sambutan Jubli Emas Nuklear Malaysia pagi ini dengan tema Nuklear Maju Rakyat Sejahtera. Tema ini sinonim dengan moto MOSTI iaitu Merakyatkan Sains Menginsankan Teknologi.

Hadirin yang dihormati,

3. Susah payah dan pahit getir yang dilalui selama 50 tahun lalu sudah tentu sekali menjadi kenangan manis dan pengalaman emas untuk kita warga Nuklear Malaysia menghadapi cabaran pada masa hadapan. Sebelum saya meneruskan ucapan pada pagi ini, pertama sekali, ayuh sama-sama kita berikan tepukan paling gemuruh kepada kita semua kerana berjaya mempertahankan institusi yang banyak jasanya kepada Negara ini hingga sekarang.
4. Sebagai sebuah Keluarga Nuklear Malaysia khasnya, kita harus berbangga kerana kita telah berjaya membangunkan dan mengoperasikan kemudahan teknologi nuklear selama lebih 40 tahun tanpa menimbulkan sebarang kemudaratan samada kepada manusia dan alam sekitar di Malaysia.
5. Di sinilah peranan penting semua pihak samada yang *pioneer*, dan kakitangan sekarang ini dalam memantapkan penyelidikan dan pembangunan teknologi nuklear yang bergerak seiring dengan pertumbuhan ekonomi serta mentransformasikan negara daripada status pengguna teknologi kepada pembangunan teknologi.

Keluarga Malaysia yang dikasihi,

6. Dalam menyokong Aspirasi Keluarga Malaysia, sambutan Jubli Emas Nuklear Malaysia adalah selaras dengan agenda MOSTI iaitu **Merakyatkan Sains Dan Menginsankan Teknologi**. Sambutan 50 tahun ini akan berlangsung sehingga bulan Disember 2022, yang mana pintu Nuklear Malaysia akan dibuka untuk tetamu jemputan bagi mengadakan lawatan dan melihat teknologi yang telah dan sedang dibangunkan sejak 40 tahun lebih yang lalu.

7. Diharapkan, sasaran pelawat yang akan hadir nanti dapat melihat sendiri produk hasil inovasi yang akan dipamerkan di lima pusat pameran, iaitu tiga di Kompleks Utama Bangi, dan dua pusat pameran di MINTech Park, Dengkil. Kemudahan utama iaitu Reaktor TRIGA PUSPATI, Sinargama, Alurtron, Rumah Hijau Gama serta yang lainnya juga akan dibuka untuk dilawati dalam tempoh tersebut.

8. Saya yakin, tetamu yang akan hadir nanti dapat melihat hasil penyelidikan yang berada dipasaran samada mereka sedar atau tidak bahawa hasil berkenaan menyumbang kepada memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia serta memperkasakan teknologi nuklear untuk kegunaan tempatan. Sebagai makluman semua, pelawat di dalam sambutan jubli emas ini adalah berdasarkan jemputan yang disasarkan kepada warga kementerian, kerajaan negeri, NGO, dewan perniagaan, universiti awam dan swasta, ketua masyarakat, rakan strategik kementerian dan kerajaan negeri serta penduduk sekitar Agensi Nuklear Malaysia.

Hadirin yang dihormati,

9. Secara umumnya, masih ramai yang kurang menyedari bahawa teknologi nuklear memainkan peranan besar dalam bidang pertanian, industri, perubatan, bahan termaju, alam sekitar dan sebagainya. Dalam sektor pertanian misalnya, bukan sekadar menghasilkan baka tumbuhan yang lebih baik dan bermutu, teknologi nuklear juga mampu membasmi serangga perosak dengan menghalang pembiakannya.

10. Selain itu, sektor lain yang turut mendapat manfaat daripada teknologi nuklear ini adalah bidang perubatan, bioteknologi, alam sekitar, industri dan pembuatan.
11. Penjelasan yang diterima oleh tetamu yang hadir melawat nanti diharap dapat merungkai persoalan berhubung penggunaan teknologi nuklear serta memberi kelegaan kepada masyarakat terhadap keselamatan produk hasil daripada R&D teknologi nuklear.

Keluarga Malaysia yang dikasihi,

12. Suka saya kongsi di sini bahawa Agensi Nuklear Malaysia memberikan latihan teknikal kepada pegawai dan professional samada dalam atau luar Negara melalui pusat kecemerlangan yang diiktiraf oleh Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) sebagai pusat latihan serantau dalam sektor keselamatan sinaran. IAEA juga mengiktiraf makmal ujian tanpa musnah (NDT), makmal bahan nano, makmal agro pertanian sebagai pusat kolaborasi serantau. Tetamu jemputan atau pelawat diberi peluang untuk melawat pusat-pusat berkenaan.

13. Nuklear Malaysia mengamalkan pendekatan yang diamalkan di MOSTI dalam mentransformasikan hasil penyelidikan ke pasaran iaitu melalui skala penilaian tahap kesediaan teknologi (*Technology Readiness Level*). Dengan pendekatan ini, banyak pihak yang berminat dengan teknologi yang dihasilkan di Nuklear Malaysia ingin menjalinkan kerjasama dengan mereka, samada diperingkat akhir penyelidikan atau diperingkat siap-sedia untuk dikomersialkan.
14. Nuklear Malaysia ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri MOSTI dan semua warga kerja di MOSTI kerana menyokong aktiviti yang dijalankan oleh Agensi Nuklear Malaysia dari dulu hingga sekarang.
15. Kita doakan semoga banyak lagi R&D yang akan dijalankan dan dapat dipasarkan sehingga dapat dirasakan oleh masyarakat akan kesan dan manfaat teknologi nuklear dalam memakmurkan rakyat di Negara kita ini. Perkara ini tidak mustahil kerana perancangan rapi yang diterjemahkan dalam Wawasan Nuklear Malaysia 2020-2030 sedang giat dilaksanakan sekarang.

16. Pelan pelaksanaan Wawasan Nuklear Malaysia 2020-2030 yang sistematik akan menjadi asas kepada Nuklear Malaysia untuk terus menyumbang kepada pembangunan Negara melalui teknologi nuclear untuk keamanan sejagat.

Hadirin yang dihormati,

17. Berbalik kepada tujuan asal kita berada di sini iaitu bagi menyambut jubli emas Nuklear Malaysia, sokongan semua pihak adalah diperlukan untuk terus memainkan peranan dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan teknologi nuklear untuk kepentingan keamanan Negara dan kestabilan ekonomi dalam mendepani teknologi baharu yang sedang giat sekarang ini. Untuk itu, Nuklear Malaysia tidak ketinggalan apabila sedang berada di peringkat akhir pembangunan Pelan Pendigitalan Nuklear Malaysia. Semua ini adalah selari dengan Dasar MOSTI DSTIN dan dasar 10-10MySTIE.

18. Di kesempatan ini juga, mewakili Nuklear Malaysia, saya merakamkan penghargaan kepada MOSTI yang sentiasa membantu Nuklear Malaysia untuk terus maju ke hadapan. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada Keluarga Nuklear Malaysia, dan mantan Nuklear Malaysia yang sudi hadir memeriahkan majlis pelancaran sambutan jubli emas Nuklear Malaysia pada hari ini.
19. Sebelum mengakhiri ucapan ini, izinkan saya menghadiahkan serangkap pantun:

**Beras segantang telah pun disukai,
Lalu disimpan di gerobok lama,
Andai Keluarga Nuklear Malaysia terus muafakat,
Lebih banyak kejayaan dapat dilakar bersama.**

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh